

LUMIGAN[®] 0.01% (bimatoprost ophthalmic solution)

bimatoprost (0.01%) ophthalmic solution

Kandungan di dalam risalah ini

1. Kegunaan LUMIGAN[®] 0.01%
2. Cara LUMIGAN[®] 0.01% bertindak
3. Sebelum anda menggunakan LUMIGAN[®] 0.01%
4. Cara penggunaan LUMIGAN[®] 0.01%
5. Sewaktu anda menggunakan LUMIGAN[®] 0.01%
6. Kesan sampingan
7. Penyimpanan dan Pelupusan LUMIGAN[®] 0.01%
8. Penerangan Produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh semakan

1. Kegunaan LUMIGAN[®] 0.01%

LUMIGAN[®] 0.01% ialah ubat yang digunakan untuk mengurangkan tekanan tinggi di dalam mata.

2. Cara LUMIGAN[®] 0.01% bertindak

LUMIGAN[®] 0.01% menambah jumlah bendalir yang mengalir keluar dari mata yang mengurangkan tekanan mata dalaman.

3. Sebelum anda menggunakan LUMIGAN[®] 0.01%

- Waktu anda tidak boleh menggunakannya

Jangan menggunakan LUMIGAN[®] 0.01%:

- Jika anda alah (hipersensitif) *bimatoprost*, atau apa-apa bahan LUMIGAN[®] 0.01% yang lain. (untuk senarai lengkap bahan, rujuk kepada seksyen 8 "PENERANGAN PRODUK").
- jika anda terpaksa berhenti menggunakan ubat titis mata pada masa lalu kerana kesan sampingan benzalkonium klorida pengawet

Kehamilan dan penyusuan:

Jika anda hamil atau menyusui badan, fikir yang anda mungkin hamil atau merancang untuk hamil atau

merancang untuk menimang cahaya mata, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan ubat ini. Jangan menggunakan LUMIGAN[®] 0.01% sekiranya anda hamil melainkan doktor anda masih mengesyorkannya. LUMIGAN[®] 0.01% boleh meresapi susu badan dan anda tidak boleh memberi susu badan semasa anda mengambil LUMIGAN[®] 0.01%.

Kanak-kanak:

LUMIGAN[®] 0.01% masih belum diuji pada kanak-kanak yang berumur bawah 18 tahun dan oleh itu ia tidak boleh digunakan oleh pesakit yang berumur bawah 18 tahun.

- Sebelum anda mula menggunakannya

Ambil perhatian khas dengan LUMIGAN[®] 0.01%. Rujuk kepada doktor anda sekiranya:

- Anda menjalani apa-apa pembedahan mata atau mengalami trauma atau jangkitan mata
- Anda mengalami masalah hati atau buah pinggang
- Anda mengalami masalah pernafasan
- Anda mengalami masalah mata kering
- Anda mengalami atau telah mengalami apa-apa masalah dengan kornea anda (bahagian lutsinar depan mata)
- Anda memakai kanta sentuh
- Anda mengalami atau telah mengalami masalah tekanan darah yang rendah atau kadar degupan jantung yang rendah
- Anda telah mengalami jangkitan virus atau radang mata

LUMIGAN[®] 0.01% boleh menyebabkan bulu mata anda menggelap dan tumbuh, dan juga menyebabkan kulit di sekeliling kelopak mata menggelap. Warna bola mata anda juga boleh menggelap dari masa ke masa. Perubahan ini mungkin berkekalan. Perubahan ini boleh menjadi lebih ketara sekiranya anda menerima rawatan sebelah mata sahaja.

- Pengambilan ubat-ubat lain

Jika anda perlu menggunakan apa-apa ubat mata lain sewaktu rawatan menggunakan LUMIGAN[®] 0.01%, ubat mata tersebut perlu diberikan sekurang-sekurangnya lima (5) minit selang masa antara waktu penggunaannya.

Maklumkan doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

4. Cara penggunaan LUMIGAN[®] 0.01%

- Jumlah penggunaan

Dos yang disyorkan ialah satu titisan ke dalam mata yang bermasalah sekali sehari pada waktu malam. Dos LUMIGAN[®] 0.01% tidak boleh melebihi sekali sehari kerana ia telah dibuktikan bahawa pemberian yang lebih kerap boleh mengurangkan kesan penurunan tekanan mata.

Pengurangan tekanan mata bermula kira-kira 4 jam selepas pemberian pertama dengan kesan maksimum dicapai dalam masa kira-kira 8 hingga 12 jam.

Ikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.


Arahan penggunaan:

Jangan menggunakan botol sekiranya kedap tahan usik pada leher botol telah rosak sebelum anda menggunakannya buat kali pertama.


1. Basuh tangan anda. Dongakkan kepala anda ke belakang dan pandang ke atas.



2. Tarik kelopak mata bawah anda ke bawah dengan perlahan untuk membentuk poket kecil.



3. Terbalikkan botol dan picitnya dengan perlahan untuk melepaskan satu titisan ke dalam setiap mata yang memerlukan rawatan.



4. Lepaskan kelopak mata bawah, dan tutup mata anda selama 30 saat.



Lap sebarang lebihan yang meleleh pada pipi anda.

Jika titisan tidak masuk ke dalam mata, cuba lagi.

Bagi membantu menghalang jangkitan, jangan biarkan hujung botol menyentuh mata anda atau apa-apa bahagian lain. Letakkan semula penutup dan tutup botol sebaik sahaja selepas anda menggunakannya.

- Waktu untuk menggunakannya

Guna menurut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Tempoh masa penggunaannya

Teruskan menggunakan LUMIGAN® 0.01% selagi mana dicadangkan oleh doktor anda. LUMIGAN® 0.01% hendaklah digunakan setiap hari untuk berfungsi dengan baik.

- Jika anda terlupa untuk menggunakannya

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang harus anda buat sekiranya anda terlupa untuk menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang anda tertinggal sebaik sahaja anda mengingatnya. Jika hampir dengan masa dos yang seterusnya, tunggu hingga sampai waktu menggunakan ubat tersebut dan langkau dos yang tertinggal. Jangan menggandakan dos bagi menggantikan dos yang anda terlupa mengambilnya.

- Jika anda menggunakan terlalu banyak (dos berlebihan)

Jika anda menggunakan lebih LUMIGAN® 0.01% daripada yang sepatutnya, adalah tidak berkemungkinan ia akan menyebabkan sebarang bahaya serius terhadap anda. Ambil dos anda yang seterusnya pada waktu biasa. Jika anda bimbang, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

5. Sewaktu anda menggunakan LUMIGAN® 0.01%

- Perkara yang perlu anda buat

Ambil ubat anda dengan tepat menurut arahan yang telah diberikan oleh doktor anda.

Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda yang anda sedang menggunakan LUMIGAN® 0.01%.

Maklumkan doktor anda dengan segera sekiranya anda disahkan hamil sewaktu menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini melainkan atas nasihat doktor anda.

Jangan mengambil apa-apa ubat baharu tanpa merujuk kepada doktor anda.

Jangan memberikan LUMIGAN® 0.01% kepada orang lain, walaupun sekiranya mereka mengalami gejala dan keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin/jentera:

Penglihatan anda boleh menjadi kabur untuk masa yang singkat sebaik sahaja selepas menggunakan LUMIGAN® 0.01%. Anda tidak boleh memandu atau menggunakan mesin/jentera sehingga penglihatan kembali jelas.

Menggunakan kanta sentuh:

LUMIGAN® 0.01% mengandungi benzalkonium klorida sebagai pengawet, yang diketahui akan melunturkan warna kanta sentuh lembut dan boleh menyebabkan kerengsaan mata. Jika anda memakai kanta sentuh lembut, anda perlu menanggalkannya terlebih dahulu sebelum anda menggunakan ubat titis mata LUMIGAN® 0.01% dan tunggu sekurang-kurangnya 15 minit sebelum memakai semula kanta sentuh anda.

6. Kesan sampingan

Seperti semua ubat, LUMIGAN® 0.01% boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang sangat biasa:

Ia boleh menjejaskan seorang atau lebih dalam 10 pengguna

Menjejaskan mata: mata merah

Kesan sampingan yang biasa: Ia boleh menjejaskan 1 hingga 9 dalam 10 pengguna

Menjejaskan mata: kemerahan kelopak mata, kerengsaan mata, kegatalan mata atau kelopak mata, bulu mata yang lebih panjang, radang permukaan mata, pertumbuhan bulu mata, kerengsaan bila ubat titis dimasukkan ke dalam mata

Menjejaskan kulit: pertumbuhan bulu mata, warna kulit lebih gelap di sekeliling mata

Kesan sampingan dengan kekerapan yang tidak diketahui:

Gejala tindak balas alahan (bengkak, kemerahan mata dan ruam kulit), sakit mata, penglihatan kabur, sakit kepala, warna kelopak mata lebih gelap, mata kering, mata melekit, bengkak kelopak mata, rasa seperti ada habuk di dalam mata, mata berair, bengkak retina pada bahagian belakang mata, ketidakselesaan mata, warna mata hitam (iris) lebih gelap, pening kepala, tekanan darah tinggi, kepekaan cahaya, asma, sesak nafas, kelopak mata tenggelam kerana kehilangan lemak di kawasan sekitar mata yang menjadikan mata cengkung dan kelopak mata tidak tertutup rapat

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau sekiranya anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, sila maklumkan doktor anda atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

7. Penyimpanan dan Pelupusan LUMIGAN® 0.01%

- Penyimpanan

Simpan jauh daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Jangan menggunakan LUMIGAN® 0.01% selepas tarikh luput yang tertera pada label botol dan bahagian bawah karton selepas perkataan EXP.

Simpan di bawah suhu 30°C. Lupuskan kandungan yang tidak digunakan 4 minggu selepas dibuka.

- Pelupusan

Anda hendaklah membuang botol selewat-lewatnya empat minggu selepas pertama kali anda membukanya, walaupun masih terdapat sedikit titisan yang tinggal. Ini akan mengelakkan jangkitan. Untuk membantu anda mengingatnya, catit tarikh anda membukanya dalam ruang pada kotak.

Ubat-ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda tentang cara untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

8. Penerangan Produk

- Rupa LUMIGAN® 0.01%

LUMIGAN® 0.01% ialah larutan ubat titis mata dalam pek yang mengandungi 1 botol plastik dengan tudung skru. Setiap botol mengandungi 3mL larutan.

LUMIGAN® 0.01% dibekalkan steril dalam botol pendispens oftalmik *polietilena ketumpatan rendah* putih legap dan hujung dengan tudung polistirena firus dalam saiz yang berikut: Isian 3 mL dalam bekas 5 mL

- Bahan-bahan

- Bahan aktif
bimatoprost
- Bahan tidak aktif

benzalkonium klorida, natrium klorida, natrium fosfat heptahidrat dwibes, asid sitrik dan air tulen. Sedikit asid hidroklorik atau natrium hidroksida mungkin ditambah untuk memastikan aras asid (aras pH) dalam keadaan normal.

- Nombor MAL:
MAL16035016ARZ

9. Pengilang

Allergan Pharmaceuticals Ireland
Castlebar Road
Westport
County Mayo
Ireland

Pemegang Pendaftaran Produk

ABBVIE SDN BHD
9th Floor Menara Lien Hoe
No.8, Persiaran Tropicana
Tropicana Golf & Country Resort
47410 Petaling Jaya Selangor, Malaysia

10. Tarikh semakan

08/01/2024

Nombor Siri

NPRA (R1/4) 04012024/009